

# Jangan jadikan isu Muhyiddin sentimen politik: Anwar

**Kuala Lumpur:** Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan isu pendakwaan Tan Sri Muhyiddin Yassin tidak seharusnya dijadikan sebagai sentimen politik kerana Pengerusi Perikatan Nasional (PN) itu sudah melanggar peraturan.

Perdana Menteri berkata, tindakan terhadap Muhyiddin itu diambil berikutan Polis Diraja Malaysia (PDRM) menerima laporan berkenaan secara terus dari Istana Pahang.

“Laporan dibuat oleh Istana Pahang. Jadi tak usah dia pusing kerana dia nak main politik. Saya nak nasihat isu ini diangkat oleh Istana Pahang.

“Anda melanggar peraturan dan anda terlanjur. Anda perlulah berhadapan dengannya... laporan dibuat, polis ambil tindakan dan Ketua Polis Negara ambil tindakan susulan,” katanya selepas Majlis perasmian dan pecah tanah Residensi Suria Madani, di Tapak Pembinaan

Projek Rumah MADANI, Taman Desa, di sini, semalam.

Terdahulu Majlis Pimpinan Tertinggi (MPT) BERSATU menyuarakan sokongan kepada Muhyiddin dan menyifatkan pendakwaan terhadap Presiden parti itu sebagai ‘bermotif politik, terpilih dan berniat jahat’ terhadap gabungan PN dan kepimpinannya.

Selasa lalu, Muhyiddin mengaku tidak bersalah dan minta dibicarakan atas pertuduhan

menghasut mengikut Seksyen 4(1) Akta Hasutan, berhubung ucapannya di FELDA Perasu di Kelantan, pada 14 Ogos lalu menjelang Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Nenggiri.

Dalam ucapan berkenaan, Muhyiddin mendakwa Yang di-Pertuan Agong sebelum ini tidak memanggilnya untuk membentuk kerajaan selepas pilihan raya umum lalu wa-

laupun mendapat sokongan 115 Ahli Parlimen.

Ketika memberi keterangan, Muhyiddin menyerahkan beberapa dokumen kepada polis antaranya surat daripada Yang Dipertua Dewan Rakyat bertarikh 20 November 2022, yang mengandungi titah perintah Yang di-Pertuan Agong ke-16 meminta ahli Dewan Rakyat mendapat sokongan majoriti untuk menjadi Perdana Menteri.